

Perancangan teliti bantu bebas hutang

Pelan tindakan kewangan jangka panjang perlu dipatuhi terutama soal pembayaran



URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharuan.com.my

RAMAI yang sukar mengakui berdepan masalah kewangan kerana kita mungkin malu jika ada orang lain mengetahui mengenainya.

Namun, perbuatan cuba menyembunyikan masalah kewangan ini boleh menyebabkan keadaan menjadi bertambah buruk.

Justeru, bagi yang berdepan masalah itu perlulah cuba membetulkan keadaan sama ada atas kemahuan sendiri atau mendapatkan khidmat profesional.

Bagaimanapun kebanyakan pakar perancangan kewangan biasanya akan berkata, satu-satunya individu yang dapat mengeluarkan diri seseorang itu daripada masalah kewangan ialah dirinya sendiri.

Dalam hal ini, perancangan teliti dalam menetapkan sasaran untuk bebas daripada masalah itu amat penting selain perlu mempunyai disiplin yang kuat supaya tidak menyimpang daripada pelan yang telah dirancang.

Ini kerana jika disiplin itu dipatuhi ganjaran yang diperoleh adalah amat berbaloi.

MasterCard dalam program pendidikan kewangannya menegaskan bahawa langkah pertama ke arah melangsaikan hutang terutama kad kredit adalah dengan menjadi lebih realistik mengenai situasi diri



DAPATKAN khidmat profesional jika perlu.

ketika ini.

Seseorang itu perlu mengetahui berapa jumlah gajinya setiap bulan, berapa yang dibelanjakan dan berapa banyak pula yang boleh disimpan.

Maklumat yang paling asas ini sebenarnya boleh membantu seseorang itu merangka sendiri pelan tindakan jangka panjang atau dengan cara mendapatkan bantuan pakar.

Dalam soal pembayaran hutang ini, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah dengan mengurangkan perbelanjaan dengan serta-merta.

Seseorang itu juga boleh berunding dengan pihak kreditor atau bank dan kaunselor kewangan bagi membolehkan mereka menyusun semula pembayaran.

Selain itu, langkah berikut

juga boleh membantu anda:

- Cuba berjimat pada setiap hari.

Anda mungkin tidak menjangka bahawa perbelanjaan yang anda anggap kecil sebenarnya boleh membawa kepada penjimatan besar jika berhenti melakukannya.

Sesetengah daripada perbelanjaan yang anda lakukan sekali-sekala seperti mengupah orang membersihkan rumah, membuat rawatan kuku di salon kecantikan dan mendobi lebih menjimatkan jika anda melakukannya sendiri.

Gunakan wang daripada penjimatan itu untuk membayar hutang.

Jika setiap hari adalah wajib bagi anda menikmati

secawan kopi yang mahal di kafe terkenal, cuba berhenti daripada amalan itu. Sekurang-kurangnya anda dapat berjimat kira-kira RM10 sehari.

Lain-lain perkara, seperti melupakan kereta mahal atau apartmen mewah yang anda diami sekarang mungkin akan mengambil sedikit masa untuk anda lakukan.

Bagaimanapun dengan perancangan teliti, anda sebenarnya boleh berjimat sehingga beratus-ratus sebulan jika anda melakukannya dan menggunakan wang hasil penjimatan itu bagi menjelaskan hutang.

- Jangan mengambil pinjaman baru.

Perkara ini adalah amat penting. Anda hanya boleh mengambil pinjaman baru sehingga kedudukan kewangan anda kembali terkawal.

Kekal kepada bajet anda dan hubungi pihak bank jika anda mempunyai masalah membuat pembayaran juga adalah antara langkah penting dalam menangani masalah hutang.

Selain itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat bantuan kaunselor profesional daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di laman web www.akpk.org.my atau menghubungi talian bebas tol 1-900-98-2575.

AKPK boleh membantu seseorang itu menyusun semula pembayaran pinjamannya menerusi rundingan dengan pihak bank.

PASTIKAN kita mengkaji kemampuan membayar sebelum berhutang.